

## **EPIFANI TUHAN (HARI RAYA PENAMPAKAN TUHAN) (A, B, C)**

Yesaya 60:1-6; Mazmur 71(72):1-2. 7-8. 10-13. R/ v. 11; Efesus 3:2-3. 5-6  
Matius 2:1-12

### **Tema: PENAMPAKAN TUHAN SEBAGAI RAJA, ALLAH DAN PENYELAMAT YANG MENDERITA KEPADA SEMUA BANGSA-BANGSA PAGAN DI DUNIA**

1. Berkat Krismas dan Selamat Tahun Baru kepada semua! Hari ini kita merayakan Hari Raya Epifani Tuhan, iaitu, penampakan Tuhan sebagai Raja, Allah dan Penyelamat yang menderita untuk semua bangsa-bangsa pagan di dunia!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa orang-orang Yahudi menolak Yesus dalam perwatakan Raja Herodes! Tetapi lebih penting, Injil hari ini memberitahu kita bahawa orang pagan telah menerima Yesus di dalam perwatakan tiga orang majus! Tetapi yang paling penting, Injil hari ini memberitahu kita penampakan Tuhan sebagai Raja, Allah dan Penyelamat yang Menderita kepada semua bangsa-bangsa pagan di dunia!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa sebilangan orang bijaksana telah datang dari timur untuk melakukan penghormatan kepada bayi raja orang Yahudi! Mereka mewakili semua bangsa-bangsa di dunia! Itulah sebabnya mengapa dalam palungan Krismas kita ada berbagai macam warna! Tetapi yang paling penting, Injil memberitahu kita bahawa mereka menghadiahkan persembahan emas, kemenyan dan mur! Para Bapa-bapa Gereja memberitahu kita bahawa emas adalah pemberian untuk Raja, kemenyan adalah pemberian untuk Allah, dan mur yang mana digunakan untuk pengawitan dan pengkebumian melambangkan Juruselamat yang Menderita! (NJB)

Justru itu penampakan Tuhan sebagai Raja, Allah dan Juruselamat yang Menderita kepada semua bangsa-bangsa pagan dunia!

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Yerusalem adalah terang seluruh bangsa! Terang kemuliaan Allah! Kemuliaan Allah menyinari atas Yerusalem!

Seluruh bangsa-bangsa dunia akan datang kepada terang Yerusalem! Kemuliaan terang Allah! Kemuliaan Allah menyinari atas Yerusalem! Mereka akan membawa balik orang Yahudi yang dibuang. Mereka akan membawa segala kekayaan dunia kepada Yerusalem dan Yerusalem akan bersukacita! Bangsa-bangsa akan datang ke Yerusalem untuk memuji dan menyembah Tuhan!

Perhatikan bahawa dari banyak-banyak persembahan; hanya dua persembahan sahaja yang disebut, iaitu, emas dan kemenyan. Emas adalah untuk Raja dan Kemenyan adalah untuk Allah! Mereka datang untuk memuji dan menyembah Tuhan sebagai Raja dan Allah!

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama: Dengan itu sahutannya:

**“Semua bangsa di dunia bersujud menyembah Tuhan.” (Mzm 71(72):11; SM)**

Mazmur antarbacaan memberitahu kita mengenai Raja yang Dijanjikan, Raja Daud, dan Raja Mesianik! Mazmur antarbacaan memberitahu kita bahawa tidak seperti raja-raja lain yang mana adalah perusak, Raja Mesianik akan membawa keadilan dan damai! Damai, shalom, penyelamatan! Justru itu kita baca:

**“Kiranya keadilan berkembang pada zamannya dan damai sejahtera berlimpah sampai tiada bulan lagi.” (Ps 71(72):7; SM)**

Mazmur antarbacaan mempunyai empat rangkap. Rangkap yang pertama (ayat 1-2), yang kedua (ayat 7-8) dan keempat (ayat 12-13) memberitahu kita bahawa Raja Mesias akan membawa keadilan dan damai! Damai, shalom, penyelamatan! Rangkap ketiga (ayat 10-11) memberitahu kita bahawa semua raja-raja dunia akan membawa kepadaNya hadiah dan akan datang untuk menyembah-Nya, sebab tidak seperti raja-raja lain yang perusak, Dia akan membawa keadilan dan damai! Damai, shalom, penyelamatan!

4. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa misteri yang tersimpan rahsia beberapa abad lamanya sekarang sudah dinyatakan! Misteri itu adalah bahawa yang pagan sekarang berkongsi warisan yang sama dengan orang-orang Yahudi, bahawa yang pagan adalah sebahagian dari tubuh yang sama, dan bahawa janji yang sama juga dibuat untuk yang pagan, dalam Kristus Yesus, melalui Injil!

Itulah sebabnya mengapa kita harus mewartakan Injil kepada yang pagan supaya yang pagan dapat berkongsi warisan yang sama, bahawa semua yang pagan akan menjadi sebahagian daripada tubuh yang sama dan bahawa janji yang sama dibuat kepada yang pagan dalam Yesus Kristus melalui Injil!

Itulah sebabnya peranan utama Uskup adalah mewartakan kabar gembira, peranan utama para Paderi adalah juga mewartakan kabar gembira dan peranan utama orang Kristian adalah juga mewartakan kabar gembira! Itulah sebabnya mengapa kita mengakhiri Misa Kudus Minggu dengan misi ini:

**“Pergilah dan wartakan Injil Tuhan.”!**

Berkat hari perayaan “Epifani Tuhan (Penampakan Tuhan)” untuk kamu semua! Amen!

**Cadangan soalan-saohan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan-kumpulan kecil dan dalam komuniti-komuniti kecil:**

1. Apakah wahyu Tuhan? Mengapa wahyu itu menarik seluruh bangsa dunia? Apakah ianya disebabkan Tuhan itu adalah Raja, Allah dan Penyelamat yang Menderita?

2. Mengapa orang-orang Yahudi menolak Yesus? Apakah ianya disebabkan mereka mengharapkan Mesias politik, nasionalistik dan Militant? Apakah kamu percaya bersama dengan Santo Paulus, bahawa pada akhirnya bahkan orang-orang Yahudi yang telah menyalib Yesus akan diubah kepada Yesus? (Romans 11)

3. Adakah kamu mewartakan Injil Tuhan kepada yang pagan? Bagaimanakah kamu mewartakan Injil Tuhan kepada yang pagan? Adakah kamu mewartakan Injil Tuhan melalui perkataan, perbuatan dan gaya hidup kamu?

4. Adakah para raja-raja dan para pemerintah hari ini memerintah dengan adil dan damai? Setujukah kamu dengan bekas Sri Paus Yohanes Paulus bahawa tidak akan ada damai tanpa keadilan dan tidak akan ada keadilan tanpa pengampunan? Adakah raja-raja dan pemerintah-pemerintah hari ini menjaga yang miskin dan yang memerlukan?

5. Apakah kamu fikir bahawa cara yang paling baik dan kukuh untuk mewartakan injil kepada yang pagan adalah melalui “KED” (Komuniti Eklesial Dasar)? Apakah kamu fikir bahawa apabila yang pagan itu melihat “cinta kasih dan kesatuan” dalam “KED” mereka akan percaya dan mereka akan diselamatkan? Apakah kamu fikir bahawa melalui “KED” Gereja dapat menjadi tanda dan sakramen penyelamatan untuk dunia?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); Sunday Missal (SM).**